



Bahagian A Sistem Bahasa

Soalan 1

Lengkapkan ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Fiza yang duduk di bawah pokok itu terkejut apabila dahan pokok itu _____.

- A berbuai
- B bergegar
- C berkocak
- D bergoyang

Soalan 2

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

- 2 Kemakmuran yang kita kecapai pada hari

A
ini adalah usaha para pemimpin
B

terdahulu yang memperjuangkan

kemerdekaan negara. Tiada kesalahan.

C

D

Soalan 3

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 3 I Gelas itu tiba-tiba *jatuh* ke lantai.
- II Daun-daun di halaman rumah *jatuh* apabila ditiup angin.
- III Dia *jatuh* sakit selepas balik dari Pulau Pinang.

- IV Rambut Raudhah banyak *jatuh* selepas bersalin.

- A I dan III sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

Soalan 4

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 4 Semangat patriotisme perlulah dipupuk dalam diri masyarakat dari masa ke semasa.

- A dari masa ke masa
- B daripada masa ke masa
- C daripada semasa ke masa
- D dari masa ke semasa

Soalan 5

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 5 Peribahasa yang sama maksud dengan "alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan" ialah

- A biar titik jangan tumpah.
- B alang-alang berdakwat biar hitam.
- C berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.
- D biar pecah di perut, jangan pecah di mulut.